

28/11/2003

Pas jemput Pak Lah lawat Kelantan

KOTA BHARU: Kerajaan Pas Kelantan mahu menjemput secara rasmi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melawat Kelantan berikutan pelantikannya sebagai Perdana Menteri tidak lama lagi.

Jemputan itu akan dibuat atas nama Perdana Menteri Malaysia yang bertanggungjawab sebagai ketua kerajaan kepada seluruh negeri dalam Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman berkata kerajaan negeri akan berbincang terlebih dulu untuk menetapkan tarikh sesuai bagi tujuan itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan negeri menerusi Pejabat Menteri Besar akan membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri, di pejabatnya, di Putrajaya.

"Kita (kerajaan negeri) sedang membuat persiapan untuk mengunjungi Datuk Seri Abdullah bagi mengucapkan tahniah di atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri kelima menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamed," katanya pada majlis dialog pimpinan kerajaan negeri dengan anak Kelantan di perantauan, di Balai Islam Lundang, di sini, malam kelmarin.

Beliau menjawab cadangan dikemukakan seorang peserta majlis yang mencadangkan supaya kerajaan Kelantan menjemput Perdana Menteri melawat negeri ini secara rasmi.

Hadir sama Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Abdul Halim berkata, ketika Perdana Menteri membuat lawatan rasmi ke negeri ini, kerajaan negeri akan mengambil kesempatan berbincang dengan beliau supaya membantu mencari jalan membangun dan menjana ekonomi negeri ini.

Katanya, pelbagai perkara dijangka dibincang dengan Perdana Menteri dan kerajaan negeri sudah mengarahkan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) menyiapkan draf perkara bakal disentuh secara bersama itu.